

ISRA

الأاديمية العالمية للبحوث الشرعية  
International Shari'ah Research Academy for Islamic Finance

# PERANAN KEWANGAN ISLAM DALAM PEMBANGUNAN INDUSTRI HALAL DI MALAYSIA




Dr. Syahida Abdullah (Penyelidik, ISRA)

Siti Syafira Zainalabiddin (Pelatih, ISRA)

# Isi Kandungan

- Pengenalan
- Tanggungjawab Kepentingan Halal di Malaysia
- Pembangunan Industri Halal di Malaysia
- Ke Arah Pematuhan Shariah
- Kewangan Islam
  - ✓ Kaedah-Kaedah Perkongsian Risiko
  - ✓ Pelaksanaan Perkongsian Risiko
  - ✓ Perkongsian Risiko Melalui Modal Teroka
- Kesimpulan



## PENGENALAN

# Pengenalan

## □ Objektif:-


- Umum: mengaitkan kewangan Islam dan industri halal.
  - Menjelaskan makna dan konsep halal.
  - Membincangkan peranan dan tanggungjawab industri halal terhadap ummah.
  - Membincangkan pematuhan Syariah secara keseluruhan oleh industri halal.
  - Mengetengahkan instrumen berasaskan perkongsian risiko yang dipercayai dapat membantu pembangunan industri halal melalui produk dan perkhidmatan yang mematuhi Syariah secara keseluruhan.
- Khusus: kertas kerja ini mengupas peranan kewangan Islam dalam pembangunan industri halal di Malaysia melalui instrumen berasaskan perkongsian risiko, khususnya modal teroka yang dianggap sinonim dengan industri halal.

# Pengenalan

- Kewangan Islam dan industri halal adalah dua sektor Islam yang memberikan perkhidmatan penting kepada ummah. Namun, sorotan literatur mendapati kajian yang mengaitkan kewangan Islam dan industri halal adalah sangat minima.
- Sememangnya kedua-dua industri ini adalah sangat signifikan kepada umat Islam: industri kewangan Islam menyediakan perkhidmatan perbankan dan kewangan untuk individu dan perniagaan. Manakala, industri halal menghasilkan barangan dan perkhidmatan yang berlandaskan Syariah kepada umat Islam.

# PENGENALAN

- Memandangkan peranan kedua-dua industri ini begitu signifikan dalam kehidupan harian seorang Muslim, dan aspirasi kerajaan ke arah menjadi Hub Halal Dunia, maka seharusnya kedua-dua industri ini bekerjasama antara satu sama lain untuk meningkatkan tahap pematuhan Syariah dan seterusnya menghasilkan barangan dan perkhidmatan yang terbaik untuk ummah yang berteraskan kepada Syariah secara keseluruhan.



# TANGGUNGJAWAB & KEPENTINGAN HALAL DI MALAYSIA

# TANGGUNGJAWAB & KEPENTINGAN HALAL DI MALAYSIA

- Setiap ciptaan ALLAH boleh dikategorikan secara umumnya: halal dan haram.
- Asal setiap perkara adalah halal melainkan ianya terbukti haram, seperti di nyatakan dalam beberapa surah dalam Al-Quran:-
  - ✓ Al-Baqarah: 29  
*"Dialah zat yang menjadikan untuk kamu segala sesuatu yang ada dimuka bumi ini semuanya"*
  - ✓ An'am: 119  
*"...padahal Allah telah menerangkan satu persatu kepada kamu apa yang diharamkanNya atas kamu..."*
  - ✓ **Al-Ma'idah: 87**  
***"Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu haramkan benda-benda yang baik-baik yang telah dihalalkan oleh Allah bagi kamu dan janganlah kamu melampaui batas (pada apa yang telah ditetapkan halalnya itu)..."***



# TANGGUNGJAWAB & KEPENTINGAN HALAL DI MALAYSIA

- Industri halal amat penting kepada umat Islam kerana ia memberi jaminan keselamatan dari segi pematuhan Shariah terhadap produk dan servis yang digunakan.
- Prinsip asas Islam - makanan atau produk digunakan dalam aktiviti harian mestilah halal (dibenarkan) dan toyyiban (sihat, selamat, berkhasiat dan berkualiti).
- Konsep halal ini telah disebut di dalam Al-Quran dan hadis:

- ✓ Al-Jathiyah: 13

*“Dan Ia memudahkan untuk (faedah dan kegunaan) kamu, segala yang ada di langit dan yang ada di bumi, (sebagai rahmat pemberian) daripadaNya..”*

- ✓ Luqman: 20

*“Tidakkah kamu memperhatikan bahawa Allah telah memudahkan untuk kegunaan kamu apa yang ada di langit dan yang ada di bumi dan telah melimpahkan kepada kami nikmat-nikmatNya yang zahir dan yang batin?..”*

# TANGGUNGJAWAB & KEPENTINGAN HALAL DI MALAYSIA

✓ Ibn Majah: 3367

*“Daripada Salman ( ra ) dia berkata : “ Baginda Rasulullah s.a.w pernah ditanya mengenai hukum minyak sapi , keju dan keldai hutan , maka Baginda s.a.w menjawabnya : Halal itu ialah apa yang dihalalkan oleh Allah di dalam kitab-Nya dan haram itu ialah apa yang diharamkan oleh Allah di dalam kitab-Nya , dan apa-apa perkara yang tidak sebut oleh-Nya , maka itu adalah salah-satu daripada apa yang dimaafkan untuk kamu”.*

- Dengan demikian, halal bukan sahaja merangkumi makanan dan minuman tetapi merangkumi juga aktiviti- aktiviti lain seperti muamalat: membeli, menjual, pemajakan, memberi hadiah atau hibah, dan aktiviti ekonomi yang lain termasuk perdagangan dan perniagaan. Quran dan sunah juga telah menetapkan garis panduan untuk aktiviti-aktiviti perdagangan dan perniagaan bagi menjaga kemakmuran dalam berjual-beli.

# TANGGUNGJAWAB & KEPENTINGAN HALAL DI MALAYSIA

## ✓ Ibn Majah: 3129


**“Dari Ibn ‘Umar bahawa Rasulullah ( ) berkata:” saudagar (setiap) yang jujur dan boleh dipercayai akan bersama orang yang mati syahid pada hari kiamat”.**

## ✓ Sahih Al-Bukhari: 1368

**“Jabir (ra dengan dia) katanya: Rasulullah ( ) berkata,” Semoga Allah merahmatinya kepada seorang lelaki yang mengamalkan sikap baik ketika dia menjual, membeli dan permintaan untuk pembayaran balik pinjaman ”.**

## ✓ Sahih Al-Bukhari: 291

*Diriwayatkan Hudzaifah dan Nabi bersabda: Para Malaikat mendatangi ruh seseorang dari orang-orang sebelum kalian lalu bertanya: "Apakah kamu pernah berbuat suatu kebaikan?" Orang itu menjawab: "Aku dahulu memerintahkan para pembantuku untuk memberi masa kepada orang yang kaya untuk membayar hutangnya di kemudahan beliau". Maka Allah berfirman kepada malaikat; ". Maafkan dia". Orang mati berkata: 'Saya pernah memudahkan urusan orang kaya dan memberikan masa kepada golongan miskin.'*



# PEMBANGUNAN INDUSTRI HALAL DI MALAYSIA

# PEMBANGUNAN INDUSTRI HALAL DI MALAYSIA


- Kerajaan Malaysia melalui Sistem Pembangunan Piawaian telah mengeluarkan garis panduan dan piawaian halal bagi makanan berhubung dengan pengeluaran, penyediaan, pengendalian dan penyimpanan makanan halal.
- Selain itu, kerajaan Malaysia juga telah menetapkan sasaran dalam Pelan Induk Perindustrian Ketiga (IMP 3) untuk menjadikan Malaysia sebagai hab halal di rantau Asia dan dunia.
- Inisiatif utama oleh kerajaan adalah untuk menubuhkan sebuah struktur institusi yang kukuh untuk membangunkan dan menggalakkan industri halal di Malaysia.
- Perbadanan Pembangunan Industri Halal (HDC) adalah peneraju utama di Malaysia dalam industri halal. Objektif penubuhan HDC adalah:-
  - i. Membantu mempromosikan produk dan perkhidmatan yang berkualiti untuk industri halal di Malaysia dan ke seluruh dunia.

# PEMBANGUNAN INDUSTRI HALAL DI MALAYSIA

- ii. HDC megalakkan konsep ekonomi halal dan membantu perusahaan kecil dan sederhana (PKS).
  - iii. Membantu para pengusaha produk dan perkhidmatan industri halal untuk memenuhi bekalan dan permintaan industri halal tempatan dan pasaran global.
  - iv. Mengeluarkan akreditasi halal bagi produk, perkhidmatan, hotel dan kedai-kedai makan.
    - Sebelum 2007, akreditasi halal dikeluarkan oleh bahagian hab halal JAKIM, tetapi kuasa itu telah ditanggungjawabkan pada HDC (Utusan Malaysia 28 Mar, 2007)
- Agensi kerajaan yang lain juga telah ditubuhkan di bawah Kementerian Perdagangan dan Industri (MITI) seperti Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA), Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) dan Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana (SMEC).

# PEMBANGUNAN INDUSTRI HALAL DI MALAYSIA

- Antara langkah yang diambil oleh kementerian dan agensi-agensi kerajaan Malaysia untuk menggalakkan industri halal adalah seperti berikut:-
  - i. Pameran Halal Antarabangsa Malaysia (MIHAS) 2014 anjuran MATRADE.
  - ii. Program Misi Beli Masuk oleh MATRADE-MIHAS untuk mempromosikan Malaysia sebagai platform pameran halal, barangan dan perkhidmatan halal.
  - iii. Kemahiran dan pemasaran keusahawanan kepada pemain industri halal - Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MECD).
  - iv. Kemudahan kewangan kepada PKS dan sejak tahun 2009, sebanyak RM 15.05 juta kemudahan kewangan telah diluluskan oleh SMEC .
  - v. Seminar, bengkel dan program latihan oleh agensi kerajaan persekutuan dan negeri.



## KE ARAH PEMATUHAN SHARIAH



# KE ARAH PEMATUHAN SHARIAH

- Industri halal mempunyai tanggungjawab yang sangat penting untuk memastikan rantai nilainya (value chain) termasuk pembiayaan kewangan bebas daripada riba.
- Oleh itu, kertas kerja ini menengahkan peranan penting kewangan Islam untuk pembangunan industri halal di Malaysia.
- Pemerhatian kajian mendapati hanya beberapa firma perniagaan halal yang dibiayai oleh institusi kewangan Islam (IFN Report, April 2014).

Disebabkan akses terhad untuk maklumat berkaitan dan kesuntukan masa, kertas kerja ini tidak dapat memaparkan statistik berkenaan.

# KE ARAH PEMATUHAN SHARIAH

- Kavalash Chawla, pakar industri halal dan Pengarah Urusan Strategi Global Nur berkata:

*“Jika produk anda dihasilkan dengan menggunakan kaedah, proses dan sumber yang halal tetapi syarikat anda dibiayai cara haram, secara teknikalnya seseorang akan beranggapan bahawa pengeluaran anda adalah haram.”*

- Amat penting bagi industri halal untuk memastikan bukan sahaja produk dan perkhidmatan mereka adalah halal malah **cara pembiayaan kewangan juga halal.**

# KEWANGAN ISLAM

□ Kewangan Islam adalah berdasarkan kepada prinsip-prinsip asas Syariah yang melarang faedah (riba) dan semua kontrak berasaskan riba.

□ Pengharaman riba telah disebut di dalam Al-Quran:

✓ Al-Baqarah: 275

*“Orang-orang yang memakan (mengambil) riba itu tidak dapat berdiri betul melainkan seperti berdirinya orang yang dirasuk Syaitan dengan terhoyong-hayang kerana sentuhan (Syaitan) itu.”*

✓ Al-Baqarah: 276

*“Allah susutkan (kebaikan harta yang dijalankan dengan mengambil) riba, dan Ia pula mengembangkan (berkat harta yang dikeluarkan) sedekah-sedekah dan zakatnya.”*

✓ Al-Baqarah: 278

*“Wahai orang-orang yang beriman! Bertaqwalah kamu kepada Allah dan tinggalkanlah (jangan menuntut lagi) saki baki riba (yang masih ada pada orang yang berhutang) itu, jika benar kamu orang-orang yang beriman.”*

# KEWANGAN ISLAM

## ✓ Al-Baqarah: 279

*“Oleh itu, kalau kamu tidak juga melakukan (perintah mengenai larangan riba itu), maka ketahuilah kamu: akan adanya peperangan dari Allah dan RasulNya, (akibatnya kamu tidak menemui selamat). Dan jika kamu bertaubat, maka hak kamu (yang sebenarnya) ialah pokok asal harta kamu. (Dengan yang demikian) kamu tidak berlaku zalim kepada sesiapa, dan kamu juga tidak dizalimi oleh sesiapa.”*

- ❑ Islam meng**haramkan** riba kerana ia memberi **kesan negatif** terhadap pembangunan sosio-ekonomi masyarakat.
- ❑ Menurut Mirakhor (2010), kontrak hutang berasaskan kadar faedah meningkatkan ketidakadilan pada sistem kerana ianya menggalakkan peralihan risiko (risk shifting) dan pemindahan risiko (risk transfer); dan pemiutang memperolehi tuntutan hak harta ke atas penghutang ketika memulai kontrak, dimana ianya adalah bercanggah dengan prinsip-prinsip hak harta Islam.

# Perkongasian Risiko

- Salah satu instrumen yang digunakan oleh Kewangan Islam adalah berasaskan perkongasian risiko.
- Perkongasian risiko telah diamalkan sejak awal zaman kelslamen sebagai sejenis pembiayaan kewangan untuk semua aktiviti ekonomi menggantikan riba dan kontrak-kontrak berasaskan faedah/riba.
- Dalam kontrak berasaskan faedah terdapat pemindahan risiko daripada pembiaya kepada peminjam. Di mana pembiaya tidak memikul sebarang tanggungjawab walau bagaimanapun mengekalkan hak hartanya terhadap prinsipal, faedah dan juga cagaran.
- Manakala, di bawah konsep perkongasian risiko seperti kewangan ekuiti, kedua-dua pembiaya dan peminjam akan berkongsi risiko dan ganjaran.

# Kaedah-Kaedah Perkongsian Risiko

- Terdapat dua (2) kaedah utama bagi perkongsian risiko:-
  1. Mudharabah
  2. Musharakah
- Mudharabah telah digunakan sebelum kedatangan Islam oleh golongan Arab, digunakan secara meluas pada zaman kelslaman dan menjadi popular di zaman pertengahan Eropah Barat, dikenali sebagai "commenda". Ia telah menjadi salah satu cara pembiayaan perdagangan dan pelaburan jangka panjang.

# Mudharabah

## Definisi Mudharabah

- Ia berasal dari frasa al-Darb fi al-ardh yang bermaksud: untuk membuat perjalanan.
- Mudharabah ialah suatu perkongsian untuk penyertaan dalam keuntungan di mana modal disediakan oleh satu pihak, dan buruh atau kemahiran oleh pihak lain.

## Dalil Mudharabah

- An-Nisa'(12): *"..maka mereka bersekutu pada satu pertiga (dengan mendapat sama banyak lelaki dengan perempuan), sesudah ditunaikan wasiat yang diwasiatkan oleh si mati, dan sesudah dibayarkan hutangnya.."*

## Rukun Mudharabah

- 1)Pembekal modal; 2) Usahawan; 3) Modal; 4) Keuntungan dan kerugian; 4) Sighah

## Jenis Mudharabah

- **Mudharabah Mutlaqah:** Pembekal modal memberi kuasa kepada usahawan untuk melabur dana mereka dalam mana-mana cara yang difikirkan sesuai pembekal modal.
- **Mudharabah Muqayyadah:** Pembekal modal akan meletakkan syarat-syarat khas tentang di mana, bagaimana, dan untuk apa tujuan dana dilaburkan.



# Musharakah

## Definisi Musharakah

- Bahasa: Bermakna perkongsian atau penggabungan dua atau lebih aset mengikut cara salah seorang daripada mereka tidak dibezakan dari yang lain.
- Istilah: bermakna perusahaan bersama di mana semua rakan-rakan berkongsi keuntungan atau kerugian daripada usaha sama itu.

## Dalil Musharakah

- Al-Muzammil (20): *"...dan yang lainnya orang-orang yang musafir di muka bumi untuk mencari rezeki dari limpah kurnia Allah.."*

## Kategori Am Musharakah

- Secara amnya musyarakah boleh dikategorikan kepada dua kategori iaitu:
- **Shirkah al-Milk** (perkongsian pemilikan): Ia adalah pemilikan bersama dua orang atau lebih dalam satu aset tertentu.
- **Shirkah al-Aqd** (perkongsian kontrak): Ia dicipta melalui perjanjian di mana setiap perkongsian menyumbang kepada modal dan saham ke atas keuntungan atau kerugian usaha.

## KATEGORI KHAS MUSHARAKAH

- Shirkah al-Aqd dikategorikan kepada empat (4) iaitu:-
- **Mufawadah:** Mufawadah bermakna delegasi. Ia merujuk kepada perkongsian dalam usaha dengan syarat semuanya mesti diberi layanan yang sama, termasuk sumbangan modal, pengurusan, keuntungan atau kerugian.
- **Abdan:** Beberapa profesional bersetuju untuk menyumbang kepakaran dan kemahiran mereka tanpa menyumbang apa-apa modal di dalam perniagaan.
- **Wujuh:** Wujud merujuk kepada reputasi yang baik dan kepercayaan kredit. Rakan kongsi tidak menyumbang apa-apa modal, tetapi mereka menjadi rakan kongsi apabila mereka bersetuju untuk membeli barang-barang bersama secara kredit dan kemudian menjualnya bersama.
- **Inan:** Inan ditakrif sebagai suatu perkongsian antara dua pihak atau lebih di mana setiap rakan kongsi menyumbang sejumlah wang di mana setiap rakan kongsi mempunyai hak untuk menguruskan aset perkongsian dengan syarat keuntungan diagihkan mengikut perjanjian perkongsian itu, dan bahawa kerugian akan ditanggung mengikut sumbangan setiap rakan kongsi.

# Pelaksanaan Perkongsian Risiko

- Pelaksanaan konsep perkongsian risiko melalui mudharabah dan musharakah kurang digemari oleh institusi kewangan Islam disebabkan:
  - risiko yang tinggi.
  - struktur perbankan Islam masih berdasarkan infrastruktur perbankan konvensional
- Dalam mengurangkan risiko, (Asmadi, 2013) telah mencadangkan berikut:-
  - Insentif daripada kerajaan mengenai pembangunan produk baru.
  - Bank-bank Islam menubuhkan sebuah entiti khas yang menawarkan produk tersebut dengan mendapat sokongan daripada BNM.
- Memandangkan beberapa permasalahan dan isu membelenggu pembiayaan kewangan Islam yang berkonsepkan perkongsian risiko, kertas ini menyokong cadangan ke-2 di atas: penubuhan entiti khas berupa modal teroka berasaskan perkongsian risiko secara Syariah sebagai pendekatan yang sesuai dan berpotensi dalam menyokong pembangunan industri halal.

# Perkongsiian Risiko Melalui Modal Teroka

## DEFINISI

- ❑ Modal teroka (VC) juga boleh dianggap sebagai satu sistem kewangan yang menghubungkan usahawan dan pelabur.
- ❑ Shilson (1984) mendefinisikan VC sebagai “pelabur menyokong perniagaan dengan kewangan dan kemahiran perniagaan untuk mendapatkan peluang-peluang pasaran dan seterusnya mendapatkan keuntungan modal jangka panjang.
- ❑ Wouters (2009) definisikan VC sebagai modal yang disediakan kepada perusahaan kecil dan sederhana yang mempunyai potensi luar biasa dengan tujuan untuk membina nilai perniagaan tambahan yang besar dalam tempoh masa tertentu (4-6 tahun) dan kemudian diakhiri dengan permulaan tawaran awam, penggabungan atau pembelian strategik.

# Perkongsiian Risiko Melalui Modal Teroka

- Pada 7 Mei 2008, Suruhanjaya Sekuriti (SC) Malaysia mengeluarkan Garis Panduan dan Amalan Terbaik Modal Teroka Islam di mana Garis Panduan ini menyatakan keperluan minimum untuk mewujudkan perbadanan modal teroka (VCC) Islam dan perbadanan pengurusan modal teroka (VCMC) Islam.
- Garis panduan menetapkan keperluan minimum untuk mewujudkan VCC Islam dan VCMC Islam.
- Ia bertujuan untuk membantu VCC dan VCMC dalam menjalankan aktiviti modal teroka Islam dan mewujudkan satu set amalan terbaik dalam usaha untuk menggalakkan piawaian Shariah yang bersesuaian dengan industri.

# Perkongasian Risiko Melalui Modal Teroka

## SEJARAH

- ❑ Pada asalnya modal teroka (VC) berasal daripada dunia Islam menggunakan konsep mudharabah oleh pedagang Arab.
- ❑ Kemudian, ia dipelopori oleh ulama Islam seperti yang terkandung dalam undang-undang Islam atau fiqh muamalat.
- ❑ Contoh: sektor perkilangan dan perdagangan kain, pengeluaran bantal dan kasut yang dibiayai dalam bentuk modal teroka pada zaman Uthmaniyyah.
- ❑ Ia kemudian tersebar ke Itali dan bahagian lain di Eropah pada abad ke-15.
- ❑ Amalan VC menggunakan konsep mudharabah telah meningkatkan bilangan usahawan di Eropah pada masa itu.

# Perkongasian Risiko Melalui Modal Teroka

## STRUKTUR

- ❑ Modal teroka Islam (VC Islam) umumnya distrukturkan berdasarkan konsep perkongasian mudharabah dan musharakah.
- ❑ Ianya berdasarkan pada sebab-sebab berikut:-

1. VC adalah sinonim dengan mudharabah, amalannya sebahagian dari sunnah Nabi

2. Tiada riba dan cagaran di dalam transaksi modal teroka


3. Berdasarkan kewangan ekuiti di mana tiada pinjaman bermakna tiada riba

4. Setiap risiko – untung dan rugi dikongsi bersama

5. VC ditubuhkan seperti shirkat Islam tradisional iaitu perkongasian untuk jangka masa yang terhad, 10 tahun

6. VC adalah satu sistem perkongasian keuntungan dan kerugian yang tidak memerlukan cagaran dari usahawan

# Perkongasian Risiko Melalui Modal Teroka





# Jadual 1: Amalan Modal Teroka Mengikut Pandangan Shariah

(Sumber: Ahmed, H., 2004)

Amalan Modal Teroka - Konvensional	Pandangan Islam
Struktur perkongsian terhad	Diterima
Kontrak jangka panjang	Diterima
Kontrak boleh batal	Diterima
Sekatan yang dikenakan ke atas aktiviti pengurus dana	Diterima
Pelaburan dalam ekuiti, bon boleh tukar sepenuhnya (kupon sifar)	Diterima
Saham pilihan, saham keutamaan atau hutang boleh tukar	Tidak diterima
Hak kawalan yang lebih besar melalui perjanjian terhad	Diterima
Kerusi lembaga	Diterima
Pembiayaan ansuran	Diterima
Penggantian pengurusan (CEO)	Diterima
Hak likuidasi	Diterima
Penyediaan perkhidmatan bukan kewangan (nasihat strategik dan lain-lain)	Diterima
Pemakaian kadar diskaun untuk penilaian	Diterima
Ekuiti diberi kepada usahawan	Diterima

# Perkongasian Risiko Melalui Modal Teroka

- (Durrani dan Boocock, 2006) mencadangkan penggunaan konsep perkongsian risiko Islam, iaitu musharakah dan mudharabah kerana mempunyai fleksibiliti yang diperlukan untuk pengurusan risiko yang cekap.
- Dalam kertas kerja ini, kami mencadangkan untuk **menghubungkan usahawan industri halal dengan pelabur melalui institusi kewangan Islam. Institusi kewangan Islam boleh mewujudkan anak-anak syarikat untuk menjalankan perniagaan VC dan menyediakan modal kepada firma halal seperti PKS (SME).** Dengan demikian, ia akan mewujudkan satu sinergi produktif antara VC melalui institusi kewangan Islam dan firma halal.

Kerajaan Malaysia memperkenalkan Musharakah Pengurusan Venture dengan dana modal usaha niaga pertama berjumlah RM35 juta pada 2008.

(KFH) (Malaysia) Berhad juga menawarkan modal teroka Islam dalam bentuk musharakah, terutamanya untuk membantu membangunkan industri makanan halal

### CONTOH Hasil Modal Teroka

Sehingga 2008, CIMB Private Ekuiti dan Modal Teroka Malaysia berjaya menguruskan USD 107 juta dana yang mematuhi Syariah

Bank Pembangunan Islam (IDB) melancarkan modal USD 50 juta modal teroka bertujuan untuk membangunkan usaha niaga berteknologi tinggi dalam Pertubuhan Negara-Negara Islam (OIC) dan negara-negara Islam lain.

Modal teroka Islam juga ditawarkan di, Amerika Syarikat melalui Lariba American Finance House. Ia distrukturkan dengan cara bank menceburi VC bersama usahawan dan usahawan bertanggungjawab menguruskan firma dan membayar bank dengan bayaran berstruktur. Untung rugi dikongsi bersama antara bank dan usahawan (Klein, 2013).

# Perkongsiian Risiko Melalui Modal Teroka

- Namun demikian, pemerhatian kajian mendapati instrumen modal teroka kurang diterokai atau masih belum popular di kalangan institusi kewangan Islam.
- Di Malaysia, terdapat empat bank Islam yang menawarkan modal teroka Islam seperti tertera pada jadual 2:

## Jadual 2: Bank-bank Islam di Malaysia yang Menawarkan Pembiayaan Modal Teroka

No	Islamic Banks	Islamic Venture Capital
1.	Affin Islamic Bank Berhad	No
2.	Al Rajhi Banking & Investment Corporation (Malaysia) Berhad	No
3.	Alliance Islamic Bank Berhad	No
4.	Amlslamic Bank Berhad	No
5.	Asian Finance Bank Berhad	No
6.	Bank Islam Malaysia Berhad	BIMB Venture Capital Sdn. Bhd
7.	Bank Muamalat Malaysia Berhad	Muamalat Venture SdnBhd
8.	CIMB Islamic Bank Berhad	No
9.	HSBC Amanah Malaysia Berhad	No
10.	Hong Leong Islamic Bank Berhad	No
11.	Kuwait Finance House (Malaysia) Berhad	KFH Asset Management SdnBhd
12.	Maybank Islamic Berhad	Maybank Islamic Asset Management Sdn. Bhd
13.	OCBC Al-Amin Bank Berhad	No
14.	Public Islamic Bank Berhad	No
15.	RHB Islamic Bank Berhad	No
16.	Standard Chartered SaadiqBerhad	No

Sumber: Maklumat diperolehi dari talian (online) yang tertera dilaman sesawang bank-bank tersebut.

## Jadual 3: Bilangan Pertubuhan mengikut Sektor (Sumber: Laporan Tahunan PKS 2012/13)

Sector	Micro	Small	Medium	Total SMEs	Total SMEs	Large Firms	Total Establishments
	Number of Establishments			% Share	Number	Number	
Manufacturing	21,619	13,934	2,308	37,861	5.9	1,808	39,669
Services	462,420	106,061	12,504	580,985	90.1	10,898	591,883
Agriculture	3,775	1,941	992	6,708	1.0	2,121	8,829
Construction	8,587	6,725	3,971	19,283	3.0	2,857	22,140
Mining & Quarrying	57	126	116	299	0.05	119	418
<b>Total SMEs</b>	<b>496,458</b>	<b>128,787</b>	<b>19,891</b>	<b>645,136</b>	<b>100.0</b>	<b>17,803</b>	<b>662,939</b>

- Jumlah PKS pada tahun 2012/2013 adalah 645.136 daripada jumlah pertubuhan sebanyak 662,939 (Laporan Tahunan PKS 2012/2013); ini mewakili 97.32% daripada jumlah pertubuhan perniagaan.

## Jadual 4: Sumbangan PKS kepada KDNK Keseluruhan mengikut Aktiviti Ekonomi Utama (%) (Sumber: Laporan Tahunan PKS 2012/13)

Year	2005	2006	2007	2008	2009	2010	2011 <sup>e</sup>	2012 <sup>p</sup>
	% share to GDP							
Agriculture	3.4	3.5	3.4	3.3	3.4	3.4	3.4	3.3
Mining & Quarrying	0.1	0.1	0.1	0.1	0.1	0.1	0.1	0.1
Construction	0.7	0.7	0.7	0.7	0.8	0.8	0.8	0.9
Manufacturing	8.1	8.1	8.2	7.8	7.4	7.7	7.9	7.9
Services	17.0	17.2	18.2	19.1	19.9	19.8	20.1	20.2
Plus: import duties	0.1	0.1	0.1	0.2	0.2	0.2	0.3	0.4
Share of SME GDP to Overall GDP	29.4	29.6	30.7	31.2	31.7	32.0	32.5	32.7

e : estimate      p : preliminary

- Dari segi sumbangan PKS kepada jumlah sumbangan keseluruhan (KDNK), terdapat peningkatan sejak tahun 2005.

# Perkongasian Risiko Melalui Modal Teroka

- Data seperti tertera pada jadual3 tersebut menandakan:-
  - PKS mempunyai potensi dalam pembangunan perniagaan di mana PKS memainkan peranan yang penting dalam pembangunan ekonomi negara.
  - PKS adalah penyumbang utama bagi pertumbuhan ekonomi negara kerana ia mewujudkan pekerjaan, peluang-peluang untuk meningkatkan penyertaan masyarakat dalam aktiviti ekonomi yang produktif, dan meningkatkan penyertaan sosial (Durrani dan Boocock, 2006).
- Peraturan yang memberangsangkan itu memberikan kesan yang signifikan kepada industri halal memandangkan kebanyakan firma halal adalah PKS.



# Perkongsiian Risiko Melalui Modal Teroka

- ❑ Sumbangan sedemikian menunjukkan potensi luas yang boleh dipelopori oleh institusi kewangan Islam dalam membangunkan industri halal di Malaysia.
- ❑ Ini adalah selaras dengan inisiatif kerajaan untuk merangsang pertumbuhan industri halal seperti dalam rancangan kerajaan Malaysia.
- ❑ Sebelas teras strategik telah ditetapkan untuk pembangunan dan promosi Malaysia sebagai hab halal global (Pelan Induk Perindustrian Ketiga (IMP3) 2006-2020) iaitu:-

# Perkongsiian Risiko Melalui Modal Teroka

## TERAS STRATEGIK

### (PELAN INDUK PERINDUSTRIAN KETIGA (IMP3) 2006-2020):-

- i. Meningkatkan kesedaran mengenai Malaysia sebagai pusat produk dan perkhidmatan halal.
- ii. Menguruskan persaingan daripada negara-negara di rantau ini.
- iii. Memanfaatkan pelaburan luar untuk mendapat akses kepada bahan-bahan mentah dan meningkatkan daya saing.
- iv. Meningkatkan R & D dalam pembangunan produk dan proses.
- v. Membangunkan aktiviti yang mematuhi halal.
- vi. Menggunakan dan memanfaatkan Standard Halal Malaysia.
- vii. Memastikan kualiti produk dan keselamatan makanan.
- viii. Menjalankan pembangunan sistemik taman halal.
- ix. Mengharmonikan proses pensijilan halal.
- x. Meningkatkan penyelarasan di kalangan agensi yang terlibat dalam pembangunan dan promosi industri.
- xi. Mengukuhkan keupayaan organisasi yang terlibat dalam pembangunan dan promosi produk dan perkhidmatan halal.

# Perkongasian Risiko dan Maqasid Shariah

- Di samping pertumbuhan PKS dan sokongan kerajaan, istitusi kewangan Islam memainkan peranan penting dalam pembangunan industri halal, khususnya dari aspek Shariah.
- Kaedah pembiayaan berkongsi dalam modal teroka Islam yang mematuhi Shariah merupakan cara yang baik untuk menguatkan ikatan persaudaraan di kalangan umat Islam melalui keusahawanan (Farid, 2012).
- Dengan itu adalah wajar untuk beranggapan bahawa perkongsian untung, rugi dan risiko seperti yang disyorkan dalam kertas kerja ini untuk industri halal adalah selaras dengan objektif (*maqasid*) Shariah yang menekankan pengagihan kekayaan secara adil di kalangan manusia.
- Maqasid Shariah bertujuan mengelakkan kesusahan, menghapuskan diskriminasi dan menegakkan keadilan.
- Imam Al-Ghazali menyenaraikan lima maqasid Shariah iaitu: memelihara **agama, nyawa, keturunan, akal dan harta.**

# Maqasid Shariah

## Agama

- setiap Muslim perlu dilindungi daripada dipengaruhi oleh apa-apa yang menyelewengkan kepercayaannya

## Nyawa

- tiada siapa boleh membahayakan seseorang tanpa sebab yang munasabah dan seseorang perlu mendapatkan dan menjaga rezeki untuk keperluan asas seperti tempat tinggal, perkahwinan, perubatan, makanan dan lain-lain

## Akal

- untuk melindungi minda dari sesuatu yang akan mencemarkan pemikiran sama ada disebabkan keruntuhan akal pemikiran, kelakuan manusia, arak atau lain-lain.

# Maqasid Shariah

## Keturunan

- pemeliharaan keturunan bermakna untuk menghalalkan perkahwinan dan mengelakkan manusia dari menghampiri zina atau seumpamanya yang boleh menjejaskan generasi akan datang.

## Kekayaan

- untuk melindungi kekayaan dan menentang ketidakadilan, kerosakan atau memperoleh harta dengan cara paksaan.

# Perkongsiian Risiko dan Maqasid Shariah

- Selaras dengan visi Islam, terdapat keperluan bagi pengagihan pendapatan yang adil dan kekayaan.
- Jurang yang berlebihan di dalam pendapatan dan kekayaan di kalangan masyarakat akan menambahkan jurang antara orang-orang kaya dan orang-orang miskin (Chapra, 2008).

- (Al-Hasyr:7)

*“Apa yang Allah kurniakan kepada RasulNya (Muhammad) dari harta penduduk negeri, bandar atau desa dengan tidak berperang, maka adalah ia tertentu bagi Allah, dan bagi Rasulallah, dan bagi kaum kerabat (Rasulallah), dan anak-anak yatim, dan orang-orang miskin, serta orang-orang musafir (yang keputusan). (Ketetapan yang demikian) supaya harta itu tidak hanya beredar di antara orang-orang kaya dari kalangan kamu..”*

- (Sahih Bukhari: 666)

*“Rasulallah ( ) berkata, “Apabila suku Ash` ari berlari kekurangan makanan semasa pertempuran suci, mereka akan mengumpul semua makanan yang tinggal dalam satu lembaran dan kemudian mengedarkannya di antara mereka sama dengan mengukur dengan mangkuk. Jadi, orang-orang ini adalah dari saya, dan saya dari mereka”*

# Modal Teroka dan Pematuhan Syariah


- Modal teroka Islam berdasarkan kaedah pembiayaan perkongsian risiko dipercayai boleh menegakkan prinsip-prinsip sebenar Syariah.
- **Konsep modal teroka juga bertepatan dengan maqasid Syariah dan bersesuaian dengan pembiayaan firma-firma halal dimana industri halal dapat mematuhi Syariah secara sepenuhnya (end-to-end).**
- Namun demikian, terdapat banyak firma halal yang tidak dibiayai oleh Institusi kewangan Islam. Ini termasuk syarikat-syarikat multinasional seperti:
- *"Nestle Malaysia komited untuk pengeluaran Halal dan pada tahun 2013 telah melancarkan program kerjasama dengan PKS untuk berkongsi kepakaran. Mereka kurang berminat dalam pasaran kewangan Islam serta tidak faham dan tidak sedar tentang wujudnya pembiayaan perniagaan berdasarkan Syariah. (IFN, 30 April 2014) "*

# Modal Teroka dan Pematuhan Syariah

Menurut Love Yadav, pengasas bersama Kasehdia Capital:

*“Potensi halal industri adalah besar tetapi masalahnya ialah akses kepada pembiayaan. Industri kewangan Islam boleh menawarkan bantuan kewangan melalui modal teroka Islam untuk industri halal. Matlamat ini boleh dicapai kerana kedua-dua industri ini mempunyai objektif Syariah, prinsip dan akar yang sama.”*





## Kesimpulan

# Kesimpulan

50

- Kewangan Islam berasaskan perkongsian risiko memainkan peranan penting dalam pembangunan industri halal kerana ia dapat menyumbang kepada pembangunan sosio-ekonomi ummah.
- Perkongsian risiko mempunyai potensi untuk membangunkan industri halal malah meningkatkan tahap pematuhan Syariah secara keseluruhan.
- Industri halal mempunyai potensi besar untuk dipelopori oleh institusi kewangan Islam
- Dengan itu, Industri kewangan Islam bertanggungjawab untuk membantu industri halal bagi memastikan pematuhan Syariah sepenuhnya dan pertumbuhan yang mapan. Halal bukan sahaja merujuk pada penyediaan dan pengurusan perniagaan produk dan servis halal tetapi termasuk juga pembiayaan kewangannya berpandukan Syariah .

# Kesimpulan

- Firma atau syarikat halal juga bertanggungjawab memastikan pembiayaan perniagaan adalah berdasarkan pada sumber kewangan yang mematuhi Syariah; ini secara tak langsung menyokong pembangunan industri kewangan Islam.
- Pematuhan Syariah secara sepenuhnya (end-to-end) boleh dicapai melalui produk dan perkhidmatan kewangan Islam berkonsepkan modal teroka yang juga bertepatan dengan maqasid Syariah.
- Industri halal akan menjadi kukuh, mematuhi Syariah secara sepenuhnya dan memberi manfaat dari segi sosial dan ekonomi dan meningkatkan taraf kehidupan umat Islam secara amnya.



# Sekian, terima kasih

syahida@isra.my